



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 Mei 2024
04 Zulkaedah 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Ribuan ikan darat ditemukan mati
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Gempar ribuan ikan, udang galah mati di Sungai Ibok
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		35	13.5.2024

Ribuan ikan darat ditemukan mati

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@mesiamula.com.my

KEMAMAN: Penduduk di sekitar Kampung Ibok, dekat sini, gempar dengan penemuan ribuan ikan darat yang ditemukan mati dan terapung di Sungai Ibok, di sini, sejak petang kelmarin.

Tinjauan di sekitar sungai itu mendapati pelbagai jenis ikan termasuk lampam dan tem-

peras, terbol, udang galah dan tapah mati terapung dan keadaan sungai yang sering menjadi tumpuan pemancing itu juga berbau busuk.

Seorang daripada penduduk, Ahmad Sanadi Kassim, 54, berkata, kejadian itu pertama kali berlaku di sungai tersebut dan kematian ikan serta hidupan sungai itu masih menjadi tanda tanya.

“Penemuan bangkai ikan ni

memang mengejutkan rata-rata penduduk sebab jumlahnya terlalu banyak. Tak pernah berlaku seperti ini sebelum ini.

“Kita minta pihak bertanggungjawab untuk menyiasat punca ikan ini mati, adakah sebab pencemaran ataupun disebabkan cuaca atau sebaliknya,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Amir Mazlan, 43, berkata, kematian ikan tersebut sedikit sebanyak

akan menjejaskan pendapatan penduduk terutamanya nelayan sungai yang bergantung kepada hidupan sungai.

“Kalau ikutkan memang membazir sebab ikan sungai ini bermutu tinggi dan pelbagai spesies dan saiznya juga ada yang besar.

“Bukan hanya nelayan sungai, tapi pemancing juga rugi sebab tak dapat memancing di sini,” katanya.

Sementara itu Pengarah Jaba-

tan Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya telah menerima laporan berkenaan kejadian kira-kira pukul 7 petang kelmarin.

“Pihak kami telah turun melakukan siasatan bersama pihak Jabatan Alam Sekitar di lokasi kejadian. Pihak JAS telah mengambil sampel air sungai dan ikan bagi tindakan lanjut untuk mengenal pasti punca kejadian,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		14	13.5.2024

Gempar ribuan ikan, udang galah mati di Sungai Ibok

KEMAMAN - Penduduk Kampung Ibok, di sini, gempar apabila menemukan ribuan ikan mati di Sungai Ibok sejak Jumaat lalu.

Pelbagai ikan dan hidupan air tawar seperti lampam, temperas, terbol, tapah dan udang galah tersebut ditemui terapung di permukaan sungai berkenaan sejak pukul 7 malam hari tersebut.

Seorang penduduk, Ahmad Sanadi Kassim, 54, berkata, setakat ini punca kematian ribuan ikan terbabit masih belum diketahui.

"Ini pertama kali ikan mati dalam kuantiti banyak di Sungai Ibok sehingga menimbulkan tanda tanya dalam kalangan kami penduduk.

"Ia kerugian besar terutama kepada nelayan darat tempatan memandangkan kebanyakan ikan-ikan yang mati itu bernilai tinggi di pasaran," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang lagi penduduk, Amir Mazlan, 43, berkata, Sungai Ibok juga merupakan antara lubuk kegemaran pemancing di daerah

ini.

Katanya, kematian ribuan ikan juga telah menyebabkan pencemaran bau busuk yang merimaskan penduduk perkampungan tersebut.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya telah bergegas ke lokasi tersebut se-

baik menerima maklumat daripada penduduk kampung.

Beliau berkata, siasatan kematian ikan di Sungai Ibok itu dilakukan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Setakat ini sampel air telah diambil untuk dianalisis di makmal bagi tindakan lanjut," katanya.



PENDUDUK mengutip ikan-ikan yang mati di Sungai Ibok, Kemaman semalam.



SEBAHAGIAN daripada ribuan ikan yang mati di Sungai Ibok, Kemaman.